



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

### **SEMPENA**

**PROGRAM LAWATAN YB MENTERI  
KE MAJLIS KESYUKURAN  
PROJEK BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR  
(BELB) DI KAMPUNG ORANG ASLI ULU KEMENSAH,  
HULU KLANG**

**9 OKTOBER 2017 (ISNIN)  
WAKTU KETIBAAN : 3.00 PETANG**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa,

1. Pertama sekali, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenan-Nya, kita sama-sama dapat berada di Majlis Kesyukuran Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang penuh makna ini khususnya bagi masyarakat penduduk Kampung Ulu Kemensah.

2. Kerajaan kita sememangnya sangat prihatin dan mengambil berat terhadap keperluan asas rakyat. Keprihatinan ini bukan hanya dizahirkan melalui ucapan, tetapi ianya diterjemahkan melalui komitmen berterusan terutamanya dalam aspek penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air bersih, bekalan elektrik, kemudahan jalan perhubungan dan juga kediaman yang sempurna.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Kerajaan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah membelanjakan anggaran lebih RM257.5 juta untuk pembiayaan 17,165 buah rumah di Semenanjung Malaysia bagi tempoh Tahun 2009 sehingga tahun 2016. Daripada jumlah ini, sejumlah RM22,100,675.00 telah diperuntukkan bagi pembiayaan kerja-kerja pembekalan elektrik di Negeri Selangor sepanjang tempoh tersebut.

4. Bagi pelaksanaan projek bekalan elektrik di Kg. Orang Asli Ulu Kemensah, Hulu Klang ini pada asalnya adalah di bawah projek BELB Talian Grid Semenanjung Malaysia Tahun 2011. Walau bagaimanapun atas beberapa sebab, kampung ini telah dikeluarkan dari senarai projek tahun 2011. Walau bagaimanapun, demi memastikan keperluan penduduk ini dipenuhi Kementerian dengan kerjasama pihak kerajaan negeri telah meneruskan pelaksanaan projek ini pada tahun 2016.

5. Dengan kerjasama yang diberikan oleh pihak JAKOA, Jabatan Perhutanan Selangor dan penduduk kampung sendiri projek ini telah Berjaya disiapkan oleh pihak kontraktor yang dilantik iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan kos keseluruhan sebanyak RM1,715,141.00, melibatkan kerja-kerja bekalan kepada 20 buah rumah orang asli pada Januari 2017.

6. Di sini saya juga ingin menarik perhatian para hadirin bahawa isu ketiadaan bekalan elektrik di Kampung Ulu Kemensah ini telah wujud sejak tahun 2002 lagi.

Berkat usaha dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak, maka Kementerian akhirnya telah berjaya dalam membuktikan betapa caknanya Kerajaan terhadap keperluan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Saya juga ingin nyatakan di sini bahawa Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan meneruskan usaha untuk pelaksanaan program ini kerana menyedari bahawa tanggungjawab membekalkan bekalan elektrik di kawasan kampung ini dapat membantu meningkatkan kesejahteraan hidup, meningkatkan pendapatan melalui aktiviti ekonomi setempat, mencegah kegiatan jenayah dan memperkasakan aktiviti modal insan sekaligus membantu menyumbang kepada pengurangan bilangan miskin tegar di kalangan penduduk luar bandar.

8. Kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek BELB Talian Grid Semenanjung Malaysia ini pada tahun 2018, yang mana lebih banyak kawasan di dalam Semenanjung yang akan mendapat manfaat daripada projek ini dalam usaha mencapai sasaran liputan bekalan elektrik sebanyak 99 peratus di Semenanjung Malaysia menjelang tahun 2020.

9. Dengan kemudahan-kemudahan yang bukan lagi sekadar dengar-dengar di hujung telinga malah sudah berada di depan mata tuan-tuan dan puan-puan, saya rasa sewajarnya kita menanamkan rasa syukur dan menghargai usaha-usaha berterusan yang ditunjukkan oleh Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri. Oleh itu, sama-samalah kita beriltizam untuk terus menyokong pucuk pimpinan beliau yang sentiasa membela nasib rakyat termasuklah penduduk-penduduk di luar bandar.

10. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), pihak Kerajaan Negeri, khususnya kepada Pejabat-pejabat Daerah, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri, Tok Batin dan kepimpinan tempatan atas kerjasama yang diberikan dalam membantu Kementerian merealisasikan projek ini. Jalinan kerjasama yang erat amatlah diperlukan kerana agensi di peringkat daerah dan negerilah yang benar-benar mengenali dan memahami situasi sebenar penduduk di luar bandar. Diharapkan agar kerjasama ini terus utuh untuk manfaat penduduk kampung luar bandar yang berkemungkinan merupakan sebilangan besar daripada hadirin yang berada di depan saya dalam majlis ini.

11. Dengan berakhirnya ucapan tadi dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya dengan ini merasmikan Majlis Kesyukuran Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar Kampung Orang Asli Ulu Kemensah, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.  
Terima kasih.